

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 17 JANUARI 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 6

## KSU, naib cancellor diarah hantar laporan AI Untuk Rakyat

### KSU, naib cancellor diarah hantar laporan AI Untuk Rakyat

**SERDANG** - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua Ketua Setiausaha (KSU) kementerian dan naib cancellor universiti menghantar laporan mengenai pembelajaran dan penggunaan Program Kecerdasan Buatan (AI) Untuk Rakyat.

Tegas beliau, laporan itu perlu dihantar dalam tempoh satu bulan bermula daripada tarikh ia dilancarkan.

Menurutnya, langkah itu dibuat bagi memastikan semua pihak khususnya pelajar dan penjawat awam dapat menyertai program yang bertujuan meningkatkan pemahaman dan kesedaran orang ramai terhadap teknologi baharu tersebut.

"Saya tekankan untuk perkhidmatan awam, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan jangan tunggu bulan Februari.

"Dalam tempoh beberapa hari mesti ada usaha memperkenalkan AI kepada semua pelajar supaya dapat dibuktikan unjuran agar semua pelajar dan penjawat awam iaitu satu juta dapat (dilakukan) dalam satu tahun," katanya.

Terdahulu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dalam ucapan beliau menyasarkan penyertaan satu juta dalam program berkenaan untuk tempoh tiga tahun.

Katanya, kerajaan akan melaksanakan pelbagai pendekatan bagi menarik rakyat di negara ini menyertai AI Untuk Rakyat itu.

AI Untuk Rakyat merupakan program pembelajaran sendiri dalam talian yang direka untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran orang ramai terhadap teknologi tersebut.

FOTO: BERNAMA



Ruang pameran AI Untuk Rakyat di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM).